

SIARAN AKHBAR

ACARA PENANAMAN POKOK DAN PEMBERSIHAN PANTAI “COASTAL MARVEL” BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR 2026

Sabtu, 6 Jun 2026

TAMAN REKREASI PANTAI SERI KENANGAN, 6 JUN – Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan, telah menganjurkan Acara Penanaman Pokok dan Pembersihan Pantai “Coastal Marvel” bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar 2026 pada hari Sabtu, 6 Jun 2026 di Taman Rekreasi Pantai Seri Kenangan, Tutong.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Acara didahului dengan bacaan surah Al-Fatihah dan doa selamat, dan diikuti dengan taklimat keselamatan. Acara kemudiannya diteruskan dengan sesi pemanasan badan sebelum memulakan aktiviti penanaman pokok dan kempen kebersihan “*Coastal Marvel*” di sepanjang persisiran pantai.

Sebanyak 36 batang pokok *Casuarina Equisetifolia* telah ditanam. Sementara itu, sejumlah **95.9 kg** sisa sampah telah berjaya dikutip oleh lebih daripada 100 peserta, **di mana sebanyak 63.9 kg daripadanya adalah sisa plastik.**

Turut hadir semasa kempen tersebut ialah Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Timbalan Menteri Pembangunan; Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Yang Mulia Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohammad Yaakub, Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Kementerian Pembangunan; Yang Mulia Awang Haji Shahrudin Khairul bin Haji Anuar, Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan; ketua-ketua jabatan, divisyen, unit serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya; Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Perhutanan, Pejabat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, penghulu, ketua-ketua kampong serta penduduk-penduduk Mukim Pekan Tutong.

Pada 5 Jun setiap tahun, masyarakat global termasuk Negara Brunei Darussalam akan menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam memelihara alam sekitar. Dengan tema “Tindakan Iklim” (*Climate Action*), Sambutan Hari Alam Sekitar pada tahun ini adalah sebagai tanda peringatan bahawa setiap orang memainkan peranan yang penting dalam melindungi masa depan alam sekitar kita.

Maklumat lanjut mengenai kempen ini turut dikongsikan di laman Instagram rasmi Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi: @jastre.bn.

- TAMAT -

Disediakan oleh:

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Kementerian Pembangunan
Emel: jastre.epm@env.gov.bn
Rujukan: JASTRE/PR/2026